



MUHYIDDIN ketika hadir untuk mempengerusikan Mesyuarat MPN Bil.6/2022 di Kementerian Kewangan.

Teliti dasar **import** bahan ternakan

Malaysia perlu kembali jadi negara pertanian: Muhyiddin

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Malaysia perlu kembali menjadi negara pertanian bagi membendung masalah kekurangan bekalan bahan makanan yang dihadapi kini.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, sekiranya perkara itu dapat dilaksanakan, negara dapat mengurangkan kebergantungan import makanan dari negara asing.

"Kita ada bincangan mengenai kenaikan harga ayam, perkara itu berlaku kerana negara ini mengimport 100 peratus makanan ternakan haiwan berkenaan.

"Ketika berlakunya masalah rantaian makanan ini di peringkat global, Malaysia berhadapan dengan masalah harga bekalan makanan ternakan yang meningkat berlipat kali ganda.

"Antara solusi yang dibincangkan ialah mampukah negara ini keluarkan bahan makanan ternakan sendiri dan tidak bergantung 100 peratus dari luar negara. Kita berpendapat wajar untuk kerajaan meneliti dasar import bahan ternakan. Negara kita perlu berusaha supaya sebahagiannya (bekalan) dapat kita tampung dan tidak bergantung pada negara luar semata-mata," katanya selepas mempengerusikan MPN, semalam.

Muhyiddin berkata, Malaysia perlu lebih agresif meneroka teknologi moden, bahan keperluan negara dan bahan diimport.

"Umpama sektor tanaman sayur-sayuran, kelapa dan sebagainya, sebahagiannya masih diimport. Seperti kelapa, hampir 500 juta biji kelapa kita import untuk santan. Sedangkan kita ada kawasan tanaman kelapa. Ia hanya perlu diusahakan dan dimajukan semula kerana permintaannya meningkat kini.

"Kalau dasar ini dapat dilakukan lebih agresif dan selari dengan dasar jaminan keselamatan makanan, saya fikir kita boleh maju dalam sektor industri makanan dan pertanian," katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, Malaysia berada pada kedudukan ke-39 dalam Global Food Security Index pada tahun 2021, naik sembilan anak tangga berbanding tahun sebelumnya dengan bekalan lapan komoditi utama yang stabil.

"Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) juga menjalankan tindakan intervensi yang berorientasikan pengguna, pengeluaran dan perdagangan bagi mengukuhkan sekuriti bekalan makanan negara.

"Antara intervensi jangka pendek yang diambil adalah mewujudkan stok bekalan ayam, semakan prosedur import Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan semakan semula Tarif Elektrik Sektor Pertanian.

"Majlis berpendapat terdapat keperluan yang mendesak untuk memperkasakan industri input kepada makanan ternakan supaya negara mencapai tahap sara diri kos input makanan ternakan terurus dan tidak terjejas akibat faktor luaran," katanya.